



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
07 JANUARI 2019 (ISNIN)

AKHBAR	MUKA SURAT
Chinapress	
- Taman Industri Pandan dan kawasan komersil akan melaksanakan bayaran letak kereta untuk mengelakan tempat letak kereta awam disalahgunakan	C2
Sinar Harian	
- Dua lokasi pertanian Bandar di Lembah Jaya	24
Harian Metro	
- Masuk gaung puncak kedua	06
Utusan Malaysia	
- 40 tahun sengsara, longkang tersumbat	47



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 07 JANUARI 2019 (ISNIN)	
Akhbar	Chinapress
Tajuk Berita	Taman Industri Pandan dan kawasan komersil akan melaksanakan bayaran letak kereta untuk mengelakan tempat letak kereta awam disalahgunakan
Muka Surat	C2

C2 **中國報**
CHINA PRESS

大城事

07/1/19 M/s C2.




■阿都哈密（右）和众人在活动结束后接受本报记者访问。左起为哈斯鲁尼占、汉查、祖基菲里及阿兹哈里（右2）。

班丹

工業區

商業區

杜絕公共泊車位遭佔用

徵泊車費

■ 竞跑参赛者携同孩子一同奔跑，唯婴儿推车中呼呼大睡的孩子和跑得满身大汗的家长，画面相映成趣。

（安邦再也6日讯）为杜绝公共泊车位遭人占用，安邦再也市议会今年起，将在班丹商业区和工业区实行征收泊车费措施。

安邦再也市议会主席拿督阿都哈密指出，该区商业和工业区的公共泊车位，常遭人非法霸占或摆放废弃车辆现象，市议会必须采取收取泊车费措施来解决该情况。

他今日出席在美拉华蒂花园（Taman Melawati）进行的第12届美拉华蒂竞跑活动，接受本报记者采访时指出，虽然这项措施引起不少民众反对，但为了广大民众的利益，这措施势在必行。

開永給居民租用

阿都哈密指出，市议会也考量该区附近高楼层住宅居民的方便，开放让居民以每月30令吉来租用泊车位、上班族则每月70令吉，店舖租金为每月240令吉，必须每月准时缴费，且使用时间仅限周一至周五早上8时至6时。

他坦言，店舖租下的泊车位虽在周末可开放给民众泊车，但人们一般都不会选择泊在这些车位，更不会把车泊在该处一整夜。

此外，他也就餐饮业禁烟措施做出回应说，市议会只负责管理业者执照，但业者



■第12届美拉华蒂竞跑活动，获得当地民众的热烈支持。

也须遵守所有条规，包括卫生部的禁烟条规，否则，市议会将撤回其执照。

他指出，市议会至今未有接获任何民众投诉。

出席活动者包括安邦再也市议会副主席哈斯鲁尼占、安邦再也警区主任汉查、美拉华蒂休闲俱乐部主席祖基菲里及美拉华蒂花园居民协会主席阿兹哈里。

參與競跑人數增加

阿都哈密指出，此次竞跑活动已是第12届，参与者大部分是当地居民，属于社区常年活动。

竞跑分成两部分，分别是7公里和15公里的项目，获得许多民众支持，男女老幼，甚至外国人参与。

祖基菲里指出，这项竞跑活动每年都获得广大民众支持，参与人数逐年增加，非常感谢参赛者的支持。

他说，竞跑活动能每年持续进行，也多得警方和市议会支持，让活动顺利每年开办。



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 07 JANUARI 2019 (ISNIN)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Dua lokasi pertanian Bandar di Lembah Jaya
Muka Surat	24

24

AMPANG. HULU LANGAT

Dua lokasi pertanian Bandar di Lembah Jaya

SH 7/1/19 MS 24

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan melaksanakan dua lagi projek kebun komuniti di Lembah Jaya.

Projek itu selari dengan perancangan melestarikan alam sekitar di kawasan tersebut.

Ahli Majlis MPAJ, Salmah Ismail berkata, pihaknya kini sedang membuat beberapa perancangan melestarikan alam sekitar yang mampu mempopularkan kembali kawasan Lembah Jaya.

"Jawatankuasa Penduduk Zon 11 MPAJ akan melaksanakan pertanian bandar di Lembah Jaya, antara kawasan pertanian bandar yang sudah ada di Taman Mulia Jaya.

"Kami turut merancang mewujudkan pertanian Bandar di Sekolah Rendah Agama

Lembah Jaya dan lokasi kedua berhampiran Bukit Belacan," katanya.

Salmah berkata, pelbagai produk tanaman akan dilaksanakan di tiga lokasi kebun komuniti itu.

"Kita akan tanam herba dan ubi di tapak pertanian bandar di Bukit Belacan, manakala di sekolah agama tersebut kita tanam mangga. Tuaian hasil dalam tempoh yang singkat kira-kira dua atau tiga bulan," katanya.

Salmah memberitahu, pihaknya kini sedang menunggu benih mangga yang bakal menjadi produk utama di samping ubi kayu.

"Hasilnya kita boleh buat pelbagai produk lain antaranya kerepek dan tapai," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 07 JANUARI 2019 (ISNIN)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Masuk gaung puncak kedua
Muka Surat	06

6

setempat

07-01-2019




MANGSA terjatuh ketika mahu mendaki puncak kedua.

ANGGOTA penyelamat mengangkat mangsa yang cedera untuk diantar ke Hospital Ampang, semalam.

Masuk gaung puncak kedua

HM 7/1/19 Ms06.

■ Wanita cedera selepas tergelincir ke dalam cenuram 30 meter ketika tawan Bukit Tabur

Mohd Azam Shah Yaacob
mohdazam@nstp.com.my

Ampang

Hasrat seorang wanita menakluk dua puncak Bukit Tabur, di sini, bersama dua rakannya tidak kesampaian apabila tergelincir dan terjatuh ke cenuram sedalam 30 meter, kelmarin.

Dalam kejadian jam 8.10

pagi mangsa Lum Shook leng, 37, yang cedera di bahagian kepala, pinggang dan lutut, bagaimanapun diselamatkan selepas rakannya membuat panggilan kecemasan pada jam 8.14 pagi.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Ampang Timbalan Penguasa Bomba Ariff Mohamed Kassim berkata, mangsa tergelincir ke dalam cenuram ketika mahu mendaki puncak kedua Bukit Tabur.

Katanya, disebabkan kecederaan dialami, mangsa tidak mampu memanjat semula dan rakannya terpaksa menghubungi bomba untuk memohon bantuan.

"Berdasarkan maklumat, mangsa bersama dua rakannya mula mendaki pada jam 6 pagi semalam (kelmarin) untuk me-

nakluk puncak Bukit Tabur.

"Sebaik berjaya menakluk puncak Tabur East, mereka menenaskan pendakian bagi menakluk puncak Tabur West sebelum mangsa tiba-tiba tergelincir ke bawah cenuram dan mengalami kecederaan," katanya.

Ariff berkata, bertindak atas maklumat

diterima, sekumpulan penyelamat membabitkan lapan anggota BBP Ampang, empat anggota polis, tiga anggota Jabatan Hutan, dua anggota Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) dan seorang anggota Pasukan Bantuan Mencari dan Penyelamat Gunung (MOSAR) dikerahkan untuk menyelamat mangsa.

Katanya, pasukan itu tiba di kawasan mangsa terjatuh jam 8.27 pagi dan membawa

keluar wanita terbahit dari kawasan berkenaan pada jam 12.35 tengah hari.

"Ketika ditemui, mangsa dalam keadaan lemah dan tidak mampu bergerak menyebabkan pasukan penyelamat mengusungnya keluar secara bergilir-gilir.

"Mangsa dibawa keluar dari kawasan itu jam 12.35 tengah hari dan dibawa ke Hospital Ampang untuk dirawat pasukan PBSM yang menyertai operasi," katanya.



ARIFF



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 07 JANUARI 2019 (ISNIN)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	40 tahun sengsara, longkang tersumbat
Muka Surat	47

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
 Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my



Punca banjir kilat, tiada kerja selenggara *um 7/1/19 Ms 46-47*

40 tahun sengsara, longkang tersumbat

Oleh **NUR IZZATI IZZAH NADZI**
 izzati@utusan.com.my

■ **AMPANG JAYA 6 JAN.**

LEBIH 100 buah rumah di kawasan perumahan Taman Melur, Ampang dekat sini sekali lagi dilanda banjir kilat pada 23 Disember lalu didakwa berpunca daripada longkang tersumbat.

Penduduk mendakwa walaupun setiap tahun kejadian itu berlaku, namun ia tidak seteruak baru-baru ini yang berlaku dua kali dalam tempoh sebulan. Kejadian itu didakwa berpun-

ca daripada masalah longkang tersumbat.

Sikap segelintir warga asing yang membuang sampah termasuk sampah pukat seperti perabot dan televisyen ke dalam longkang menjadi punca utama. Lebih memburukkan keadaan kerja-kerja pembersihan terakhir dilakukan oleh pihak kontraktor yang dilantik adalah pada tahun 2006.

Ini menyebabkan longkang yang mempunyai kedalaman kira-kira dua meter itu gagal menampung aliran air daripada hujan lebat. **Muhammad Afwan Speri, 51,**

yang menetap di perumahan itu sejak 33 tahun lalu berkata, pihak berwajib perlu segera menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan longkang dan menaik taraf sistem perartian di situ.

"Penduduk di sini sudah banyak kali membuat aduan, namun umpama mencurah air ke daun keladi", langsung tidak dipedulikan," katanya.

Muhammad Afwan berkata banjir kilat baru-baru ini telah menyebabkan dia menanggung kerugian lebih RM1,000 apabila beberapa barangan elektrik termasuk perabot rosak teruk. **Mohamed Rezan Hassan, 35,**

UTUSAN MALAYSIA • ISNIN 07 JANUARI 2019



SAMPAH sarap memenuhi longkang besar berhampiran kawasan perumahan Taman Melur, Ampang, Selangor.



PERMAIDANI antara barangan perhiasan rumah milik salah seorang penduduk yang rosak akibat banjir kilat.



SOFA milik keluarga Muhammed Rezan Hassan yang dihanyutkan ke perumahan belakang rumahnya ketika banjir kilat pada 23 Disember lalu.

REAKSI



MUHAMMAD AFWAN SPERI, Peniaga

"ADUAN demi aduan telah dibuat oleh penduduk namun tiada tindakan diambil Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Sampai bila lagi penduduk terpaksa menanggung kesulitan setiap kali banjir kilat?"



T. TREASA, Penduduk

"WA-LAUPUN tembok batu telah dibina di pintu rumah untuk mengelak banjir kilat, namun air yang mengalir deras tetap masuk terus ke dapur. Setiap kali selepas hujan kami sekeluarga terpaksa membersihkan rumah"



MOHAMED REZAN HASSAN, Penduduk

"TIAP kali banjir kilat, kereta yang berada di sini semua dimusnahkan air separas paha malah pasu bunga serta sofa turut dihanyutkan air banjir. Kami mohon pihak berkuasa segera melakukan kerja-kerja pembersihan longkang ini supaya penduduk di sini tidak lagi menderita tiap kali hujan."

pula berkata, penduduk di sini menderita banjir kilat hampir 40 tahun.

"Ada beberapa penduduk di kawasan rendah dan belakang rumah saya mengambil keputusan untuk berpindah kerana tidak tahan untuk menghadapi banjir kilat paras pinggang setiap tahun.

"Tahun ini, sofa berat yang diletakkan di luar rumah juga hanyut ke kawasan rumah perumahan bawah," katanya.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Korporat, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Norhayati Ahmad memaklumkan kejadian banjir di kawasan

itu berkemungkinan berlaku akibat projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Klang (Suke) yang sedang dalam pembinaan berdekatan kawasan itu.

"Kawasan projek lebuhraya itu di tanah tinggi telah menyebabkan air dari kawasan ini mengalir ke kawasan yang rendah di perumahan berkenaan ketika hujan lebat sehingga menyebabkan banjir buruk berlaku.

"Pihak kami telah mengeluarkan notis arahan henti kerja kepada pemaju dan kontraktor bagi memberhentikan segala kerja pembinaan ketika musim hujan," katanya.



MUHAMMAD AFWAN SPERI menunjukkan keadaan longkang yang tidak diselenggara sejak 13 tahun lalu di Taman Melur, Ampang, Selangor.